

STUDI TERHADAP TABURAN SAZ SEDIMEN DI PESISIRAN PANTAI
MERANG, TERENGGANU.

FIRDAUS BINTI MOHD NOR

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2005

**KAJIAN TERHADAP TABURAN SAIZ SEDIMEN DI PESISIRAN PANTAI
MERANG, TERENGGANU.**

Oleh

Farhana binti Mohd Noor

**Laporan Penyelidikan ini diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)**

**Jabatan Sains Samudera
Fakulti Sains dan Teknologi
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
2005**

Laporan projek ini hendaklah dirujuk sebagai:

Farhana, M. N. 2005. Kajian Terhadap Taburan Saiz Sedimen Di Pesisiran Pantai Merang, Terengganu. Laporan Projek, Sarjana Muda Sains (Sains Samudera), Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia, 95 p.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian dan kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada dalam bentuk elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin secara bertulis daripada penulis atau penyelia utama penulis tersebut.

*Khas buat.....,
'Abah' dan 'mak' yang tercinta,
Terutama
Mi, Nizam dan Zira serta teman-teman teristimewa,
Terima kasih di atas segala-galanya.....,
Sesungguhnya kehadiran kalian amat bermakna dalam hidupku,
Kalian pastinya tetap di ingatan,
Buat selama-lamanya.....*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang berkuasa di atas segala-galanya. Bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menyiapkan laporan projek tahun akhir ini. Jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia utama projek tahun akhir ini iaitu Prof. Madya. Dr. Rosnan Yaacob. Tidak lupa juga kepada 'research assistants' Encik Azam dan Encik Azlim yang banyak memberikan tunjuk ajar dan bantuan kepada saya di dalam menyiapkan kajian ini dari awal hingga akhir.

Teristimewa buat 'abah' (Mohd Noor Salleh) dan 'mak' yang tercinta (Ruhani Mahmud), serta adik-beradik tersayang (Mohd Fahmi, Mohd Nizam dan Nozira), terima kasih di atas segala-galanya. Sesungguhnya kehadiran kalian amat bermakna dalam hidupku. Semangat dan dorongan yang diberikan memberi seribu satu kekuatan di dalam diri ini. Sekalung penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan (Nohie dan Kak Zie) serta 'coursemate' Sains Samudera (2002-2005) sekalian. Segala bantuan, semangat dan dorongan yang diberikan oleh kalian amat bermakna bagi diriku. Juga buat teman-teman '4 Kappa' (Aini, Farah, J2 dan McLah) yang sentiasa mencetuskan inspirasi dan semangat baru di dalam diri ini. Terima kasih kerana setia memberikan sokongan yang tidak pernah padam sepanjang perkenalan kita berlima.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih buat semua kakitangan (Encik Sulaiman, Encik Kamari, Encik Kamarun dan Y.M Raja) dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak. Jasa kalian akan tetap diingati. Sekian, wassalam.

Farhana Mohd Noor

10 Februari 2005

ABSTRACT

A study of the sediment size distribution and beach profile changes has been conducted at the Merang nearshore, Terengganu coastline. Sampling activities were carried out in the months of June, August, October and December 2004. The purpose of this study is to determine the distribution of sediment size and to determine the beach morphology characteristics at the study area during South West Monsoon (May to August) and North East Monsoon (November to March). Net shore drift pattern at the study area also has been determined using several basic indicators such as sediment size distribution, beach slope and beach width. Sediment distribution result from the study conducted can be categorized as coarse sand, moderate well sorted and negative skewed dominated among the stations. There was no significant difference for the type of kurtosis where leptokurtic sediment type dominated during the sampling periods. Maximum beach width for South West Monsoon was 60 m and 34 m during North East Monsoon. The net shore drift pattern in the study area was observed to be from the eighth station ($05^{\circ} 32' 16\text{N}$, $102^{\circ} 55' 04\text{E}$) to the first station ($05^{\circ} 34' 28\text{N}$, $102^{\circ} 51' 23\text{E}$).

ABSTRAK

Kajian terhadap taburan saiz sedimen dan perubahan profil pantai telah dijalankan di sekitar pesisir pantai Merang, Terengganu dengan melibatkan bulan penyampelan pada bulan Jun, Ogos, Oktober dan Disember 2004. Kajian ini adalah bertujuan untuk menentukan taburan saiz sedimen dan ciri-ciri morfologi pantai di kawasan kajian merangkumi musim yang melibatkan monsun Barat Daya (Mei hingga Ogos) dan juga monsun Timur Laut (November hingga Mac). Arah pergerakan sedimen di kawasan kajian juga turut ditentukan berpandukan kepada beberapa ciri-ciri asas iaitu taburan saiz sedimen, kecerunan pantai dan kelebaran pantai. Taburan sedimen yang didapati adalah terdiri daripada min pasir kasar, bersisihan sederhana sempurna dan berkepencongan sangat negatif mendominasi di kebanyakan stesen. Tiada perubahan ketara yang dapat diperhatikan dari segi jenis kurtosis di mana kurtosis sangat leptokurtik telah mendominasi di kesemua stesen kajian. Kelebaran pantai tertinggi yang dicatatkan ketika monsun Barat Daya ialah 60 m dan 34 m ketika monsun Timur Laut. Arah pergerakan sedimen di stesen kajian juga dapat ditentukan melalui kajian ini di mana ia telah didapati bergerak dari stesen kelapan ($05^{\circ} 32' 16\text{N}$, $102^{\circ} 55' 04\text{E}$) ke stesen pertama ($05^{\circ} 34' 28\text{N}$, $102^{\circ} 51' 23\text{E}$).